

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL.5/91

PERWAKILAN KUASA KEPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN DAN PENTADBIR TANAH JAJAHAN UNTUK MEMBERIMILIK DAN MEMBENARKAN LESEN MENDUDUKI SEMENTARA TANAH-TANAH KERAJAAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan, bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas Bil. 22/857/91(20) di dalam sidangnyanya pada 3hb.November, 1991 telah membuat keputusan bersetuju untuk memperwakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah Dan Galian dan juga kepada Ketua Jajahan, sebagai Pentadbir Tanah Jajahan untuk meluluskan pemberianmilik dan membenarkan lesen menduduki sementara tanah-tanah Kerajaan di dalam kawasan-kawasan tanah Kerajaan yang luasnya tidak melebihi 20 hektar. Tujuan Perwakilan Kuasa ini ialah untuk menyelesaikan segala tunggakan-tunggakan dan permohonan-permohonan milik tanah yang belum di buat pertimbangan yang ada pada 31hb. Disember, 1990 sebanyak 72,358 permohonan bagi seluruh negeri bagaimana di Lampiran 'A'. Jumlah ini merupakan jumlah yang sangat besar dan Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyelesaikannya dalam masa 4 atau 5 tahun mulai dari tarikh pengeluaran Pekeliling ini. Oleh yang demikian Ketua-Ketua Jajahan selaku Pentadbir Tanah Jajahan adalah diarah supaya mengambil langkah-langkah segera untuk menyelesaikan permohonan-permohonan milik tanah di Pejabat-Pejabat Tanah dengan memberi keutamaan kepada permohonan-permohonan yang terawal yang telah lama terpendam di Pejabat-Pejabat Tanah.

2. Pemberian milik tanah ini hendaklah diproses berpandukan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 5/88, 3/90 dan 5/90, manakala Pekeliling Bil. 5/88 tertakluk kepada pindaan-pindaan di Lampiran 'A' pekeling tersebut seperti berikut:-

Para 4.2.1. Tarikh 11.3.1978 digantikan dengan tarikh
dan 1.1.1990

Para 4.4.

Para 4.2.2. Hingga 4.2.6. dibatalkan keseluruhannya dan diganti kepada para baru 4.2.2., 4.2.3., 4.2.4. dan 4.2.5. bagaimana berikut:-

4.2.2. Bagi tanah-tanah Kerajaan di dalam kawasan yang melebihi 20 hektar hendaklah diangkat bagi mendapat kelulusan dasar daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan dan akan diberimilik kepada peserta-peserta yang terlibat setelah mendapat perakuan daripada Jawatankuasa Tanah Jajahan.

4.2.3. Setelah kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan diperolehi, Pegawai Petempatan Jajahan akan menyukat tanah-tanah yang diperintah haram itu menjadi lot-lot kecil mengikut keluasan yang diperintah haram itu dengan tidak melebihi 4 hektar bagi 1 lot dan senarai peserta-peserta hendaklah diperakui oleh Jawatankuasa Tanah Jajahan.

4.2.4. Pejabat Tanah berkenaan mengambil tindakan menerima permohonan-permohonan milik tanah dalam Borang Jadual 1 daripada mereka yang telah diperakui oleh Jawatankuasa Tanah Jajahan mengikut perenggan 4.2.3. di atas serta memungut bayaran fail dan deposit bagi premium dan lain-lain bayaran pejabat.

4.2.5. Permohonan-permohonan yang diterima dan telah diperakui oleh Jawatankuasa Tanah Jajahan itu diangkat bagi kelulusan Pentadbir Tanah Jajahan.

3. Perwakilan Kuasa yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah bagaimana berikut:-

(a) Kepada Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan

- i) Kuasa memberimilik tanah desa untuk kegunaan pertanian menurut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara bagi lot-lot yang berkeluasan tidak lebih daripada 4 hektar dan mana-mana tanah yang berdampingan dengan mana-mana sungai yang tidak diwartakan atau tepi pantai atau berhadapan dengan sesuatu jalan raya.
- ii) Kuasa membenarkan lesen-lesen menduduki sementara di bawah Seksyen 65, 66 dan 67 Kanun Tanah Negara bagi mana-mana tanah yang tidak boleh diluluskan oleh Pentadbir Tanah Jajahan menurut Perwakilan Kuasa ini.

(b) Kepada Pentadbir Tanah Jajahan

- i) Kuasa memberimilik tanah desa untuk kegunaan pertanian di bawah hakmilik Pejabat Tanah menurut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, 1965 bagi lot-lot yang berkeluasan tidak melebihi 4 hektar dengan syarat bahawa tanah tersebut :-

- a) tidak mengandungi mana-mana bahagian tanah Kerajaan yang berkeluasan lebih daripada 20 hektar ;
 - b) tidak sesuai untuk sebarang rancangan Kerajaan ;
 - c) tidak berdampingan dengan mana-mana sungai atau carok atau tepi pantai atau berhadapan dengan sesuatu jalanraya ;
 - d) tanah- tanah itu tidak terletak dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii) Kuasa membenar dan mengeluarkan lesen-lesen menduduki sementara bagi tanah desa menurut Seksyen 65, 66 dan 67 Kanun Tanah Negara bagi lot-lot yang berkeluasan tidak lebih daripada 4 hektar.

4. Pengertian tanah-tanah yang berdampingan dengan sungai dan berhadapan dengan jalan raya seperti yang terkandung dalam Perwakilan Kuasa yang tersebut hendaklah ditakrifkan sebagai tanah-tanah dalam lingkungan 45.72 meter (50 ela) daripada sungai atau pantai (dikira daripada mid-point di antara low dengan high water level) atau tepi jalan raya. Pengarah Tanah dan Galian di bawah Perwakilan Kuasa ini termasuk Timbalan Pengarah Tanah dan Galian, manakala Pentadbir Tanah Jajahan tidak termasuk Penolong Pentadbir Tanah Jajahan.

5. Jika mana-mana permohonan milik tanah atau sewa tanah tidak dapat diperakui lulus atau tolak di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Jajahan, terbit daripada pertelingkahan pendapat di kalangan-kalangan ahli-ahli Jawatankuasa Tanah Jajahan, maka permohonan-permohonan seperti ini hendaklah diangkat bagi pertimbangan dan keputusan Pengarah Tanah dan Galian. Diperingkat negeri terdapat sebuah Jawatankuasa Tanah menyamai Jawatankuasa Tanah Peringkat Jajahan yang berfungsi sebagai penasihat kepada Pengarah Tanah dan Galian mengenai kes-kes tanah yang tidak dapat diselesaikan di jajahan. Anggota Jawatankuasa tersebut terdiri daripada:-

- i) Pengarah Tanah dan Galian Kelantan - Pengerusi
- ii) Timbalan Pengarah Tanah dan Galian - Timbalan Pengerusi
- iii) Pentadbir Tanah Jajahan yang berkenaan
- iv) ADUN Tempatan berkenaan
- v) Lima orang ahli yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan terdiri daripada :-
 - 1. YB. Tuan Hj. Hassan b. Abdullah
 - 2. YB. Tuan Hj. Zainuddin b. Mohd. Noor
 - 3. YB. Tuan Hj. Daud b. Wan Ibrahim
 - 4. YBrs. Tuan Hj. Wan Ibrahim b. Wan Abdullah
 - 5. YBrs. Tuan Hj. Omar b. Ibrahim
- vi) Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pembangunan) sebagai Setiausaha

6. Tindakan melulus atau menolah semua permohonan milik tanah atau sewa tanah hendaklah dibuat oleh Pentadbir Tanah Jajahan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tanah Jajahan sebaik sahaja diperakui lulus/tolak oleh jawatankuasa berkenaan. Apa-apa juga keputusan dibuat adalah muktamad, melainkan kes-kes yang tertentu yang dipersetujui diangkat untuk mendapat kelulusan Pengarah Tanah dan Galian Negeri atau Majlis Mesyuarat Kerajaan.

7. Dalam menyelesaikan permohonan-permohonan milik tanah, Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah memberi keutamaan dalam menyelesaikan tanah-tanah yang diterokai oleh peneroka-peneroka dalam rancangan-rancangan Pemulihan Tanah KESEDAR (dulunya LKTN)) di mana senarai peneroka-peneroka tanah itu boleh didapati daripada Pengurus Besar KESEDAR. Bagi tujuan ini Pejabat ini akan membantu jajahan-jajahan yang terlibat dengan menempatkan sementara beberapa orang Pegawai Petempatan bagi mempercepatkan pemberian milik tanah-tanah di dalam Rancangan Pemulihan Tanah KESEDAR itu.

8. Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan adalah diingatkan supaya mengenakan sekatan kepentingan ke atas tanah-tanah yang hendak diberi milik itu (Sek.79(2)(g) Kanun Tanah Negara 1965). Sekatan kepentingan yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

- a) Tanah yang terkandung dalam hak milik ini tidak boleh dibuat sebarang urusan niaga kecuali mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.
- b) Sekatan (a) adalah dikecualikan bagi pindahmilik kepada anak cucu atau sebaliknya.

- c) Sekatan (a) adalah dikecualikan bagi maksud gadaian ini kepada Bank atau Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah mendapat pinjaman sendiri.

9. Satu penyata bulanan bagi menunjukkan kemajuan dalam menyelesaikan permohonan-permohonan milik tanah termasuk lesen menduduki sementara dan permit pengeluaran batu-batan di Lampiran `B' hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian serta salinannya kepada YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan tidak lewat daripada 10 hari bulan tiap-tiap bulan.

10. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 3hb. November 1991.

t.t

(Dato' Haji Nik Yusoff Bin Nik Ali)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

BERTARIKH : 3HB. NOVEMBER, 1991.

FAIL : PTG.KN.SULIT.1375 Jld.2/1(16)

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Menteri Besar ,Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan ,Kelantan.
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan Y.B.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

LAMPIRAN 'A'

**FAIL-FAIL PEMOHON MILIK TANAH DAN SEWA TANAH
YANG BELUM SELESAI DI PEJABAT-PEJABAT TANAH/PTG
SEHINGGA 31.12.90**

BIL.	PEJABAT TANAH	PERMOHONAN MILIK TANAH	PERMOHONAN SEWA TANAH
1.	Pasir Mas	3,900	4
2.	Tanah Merah	3,884	235
3.	Gua Musang	13,062	38
4.	Kota Bharu	150	221
5.	Jeli	5,068	18
6.	Bachok	1,200	5
7.	Pasir Puteh	3,125	23
8.	Kuala Krai	7,860	221
9.	Tumpat	1,283	2,278
10.	Machang	2,000	97
11.	PTG – Tanah RPT KESEDAR	17,680*	-
12.	PTG – Tanah Terokaan Haram	13,146*	-
	JUMLAH :	72,358*	3,140

* Telah diserahkan kepada Pejabat Tanah berkenaan mulai 1.3.91.

Fail Rujukan:

LAMPIRAN 'B'

**PENYATA KELULUSAN PERMOHONAN TANAH, LESEN MENDUDUKI SEMENTARA
DAN PERMIT PENGELUARAN BAHAN-BAHAN BATU**

JAJAHAN :

BULAN :

Bil	Fail Pejabat	Nama dan Alamat Pemohon	Luas Tanah/Jumlah Bahan-Bahan Batu	Jumlah Bayaran Premium/Sewa	Mukim Daerah	Jenis Permohonan (Milik/Lesen/Permit)	Tujuan (Jenis Tanaman)	Tujuan (Jenis Tanaman)	Kuasa dan Tarikh Lulus

.....
Tandatangan Ketua Jajahan